

01/07/1998

IT enjin pulih ekonomi

Hizral Tazzif Hisham

GENAP setahun kegawatan ekonomi melanda negara tanpa mengetahui bilakah ia akan berakhir. Ekoran daripada itu, sektor ekonomi negara terjejas teruk menyebabkan negara mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tidak menggalakkan bagi suku pertama tahun ini.

Namun begitu kerajaan tidak membiarkan keadaan demikian berlanjutan dengan memperkenalkan pelbagai insentif dan penumpuan terhadap sektor ekonomi yang berdaya maju. Jelas industri teknologi maklumat (IT) dikenal pasti berupaya mengubah hala ekonomi ke tahap positif.

Projek IT negara, khususnya Koridor Raya Multimedia (MSC) tetap diteruskan dengan sokongan penuh kerajaan terutamanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hingga kini, MSC terus mendapat sambutan menggalakkan syarikat IT dunia walaupun kelembapan ekonomi sedang melanda Malaysia. Projek gergasi yang akan menjadikan negara hub dunia pembangunan multimedia maju lebih awal daripada jadual asal. Bukti nyata ialah inisiatif 14 syarikat menubuhkan ibu pejabat di Cyberjaya.

Multimedia Development Sdn Bhd (MDC), agensi pemasar perdana MSC hingga kini menerima 222 permohonan daripada syarikat teknologi maklumat (IT) bertaraf dunia untuk mendapatkan status MSC yang mana 146 permohonan diluluskan.

MDC juga mengenal pasti lebih 400 syarikat dalam kategori Usahawan Kecil Sederhana (EKS) di seluruh negara yang membabitkan diri dalam perniagaan IT dan multimedia boleh dibangunkan sebagai tulang belakang bagi MSC.

MDC menubuhkan Pusat Nasihat dan Perundingan Usahawan (MDC Access) khusus bagi membantu memudahkan pengusaha EKS memperolehi status syarikat MSC.

Perkhidmatan yang disediakan MDC Access ialah program perkongsian bijak, rujukan dan petunjuk perniagaan, hubungan untuk sumber pembiayaan, dan nasihat untuk mendapatkan status MSC, khidmat nasihat kepada syarikat IT yang ingin menyenaraikan saham mereka di Mesdaq (Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia) bagi mendapatkan modal.

Pengusaha EKS tempatan yang berminat menyertai MSC akan ditawarkan khidmat perundingan, selain sokongan khusus mendapatkan pembiayaan melalui skim geran pembangunan dan penyelidikan (Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan atau R&D).

Kerajaan menyalurkan RM1.5 bilion kepada EKS yang mana MDC akan mentadbir bantuan MSC berjumlah RM100 juta.

Selain itu, Perbadanan Pembangunan Usahawan Kecil Sederhana (Smidec) turut menyediakan skim geran bagi syarikat dalam kategori Industri Kecil Sederhana (IKS).

Smidec menyediakan Skim Perisian Pengeluaran Bersepadu bagi membantu IKS membeli perisian untuk digunakan bagi tujuan pengeluaran. Ia akan menyalurkan geran 50 peratus daripada belanja keseluruhan manakala bakinya ditanggung IKS berkenaan.

Tujuan geran berkenaan bagi membantu IKS menyertai dan membeli perisian penting kepada mereka untuk meningkatkan pengeluaran yang mana kos kebanyakan perisian berkenaan agak tinggi.

Sebahagian daripada syarikat antarabangsa yang mendapat taraf MSC, termasuk Lucent, Nokia, Intel, Ericsson dan Motorola.

MDC bersama 14 syarikat berstatus MSC sudah berpindah ke ibu pejabat barunya di Cyberjaya, yang mana ia adalah lebih awal daripada jadual.

Bagi membolehkan pengumpulan maklumat mengenai aktiviti syarikat IT di dalam dan luar negara, MDC melancarkan pangkalan data maklumat global mengenai calon yang sesuai dalam bidang IT untuk mengatasi kekurangan pekerja di sektor itu.

Syarikat IT yang melabur dalam MSC boleh mendapatkan maklumat mengenai tenaga kerja yang berpotensi daripada pangkalan data itu dan boleh terus mengambil mereka bekerja jika didapati bersesuaian.

MDC Access melancarkan laman web mengandungi maklumat mengenai teknologi maklumat (IT) dan syarikat multimedia yang terdapat di negara ini.

Perkembangan fizikal Cyberjaya juga rancak dibangunkan yang mana pemaju bandar raya pintar berkenaan, Cyberview Sdn Bhd, (Cyberview) sudah menandatangani empat perjanjian disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi melaksanakan beberapa projek di zon pembangunan utamanya berjumlah hampir RM2 bilion.

Perjanjian antara Cyberview dan Syarikat Telekom Malaysia Bhd (Telekom) bernilai RM1 bilion dimeterai bagi membolehkan Telekom menerima hak eksklusif untuk mereka bentuk, merancang, memasang dan mengendalikan infrastruktur telekomunikasi di zon pembangunan utama Cyberjaya seluas 2,800 hektar.

Untuk memastikan MSC memiliki tenaga pakar dan mahir, Universiti Multimedia yang sedang dalam pembinaan di Cyberjaya akan berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan projek Koridor Raya Multimedia (MSC), khususnya penajaan tenaga terlatih dalam bidang IT dan multimedia.

Fasa pertama pembinaan universiti itu dijangka dapat digunakan akhir tahun ini dan menjelang 2001, ia dapat menampung 5,000 pelajar satu masa.

Program kejuruteraan, teknologi maklumat, kreatif multimedia dan pengurusan yang ditawarkan oleh universiti itu dirangka begitu teliti bagi menghasilkan tenaga yang benar-benar mahir, sekali gus membantu menjayakan MSC.

Tahun ini juga turut mencatatkan sejarah apabila pertemuan kali kedua Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk membincangkan hala tuju MSC serta membangkitkan isu kritikal sejagat berkaitan revolusi maklumat.

Antara topik utama yang dibincangkan ialah isu menjangkai sempadan, masa depan perdagangan elektronik (EC), implikasi cukai bagi EC, kesan revolusi maklumat kepada masyarakat disebabkan Internet, aliran semasa dan teknologi yang bergerak pantas serta penggabungan pelbagai teknologi seperti perkomputeran, komunikasi dan penyiaran.

Seramai 15 ahli IAP hadir kali ini, termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Acer Inc, Dr. Stan Shih; Pengerusi dan CEO Alcatel Alsthom, Serge Tchuruk; Pengarah Eksekutif Pusat Komunikasi Global Universiti Antarabangsa Jepun, Professor Shumpei Kumon;

Penasihat Kanan Pusat Strategi dan Pengajian Antarabangsa AS, Diana Lady Dougan; Pengerusi dan CEO DHL, Lester Alberthal; Presiden dan CEO Ericsson, Dr. Lars Ramqvist; Profesor Universiti Stanford, Profesor William F. Miller; Naib Pengerusi dan CEO Motorola Inc., Gary Tooker; Pengerusi dan CEO Madge Networks NV, Robert Madge; Pengerusi NEC, Dr. Tadahiro Sekimoto;

Presiden Nippon Telegraph & Telephone Co, Jun-Ichiro Miyazu; Dr Kenichi Ohmae daripada Ohmae Bersekutu, Pengerusi Silicon Graphics World Trade, Bob Bishop; Presiden dan CEO Sony Corp, Nobuyuki Idei; dan Pengasas Toffler dan Bersekutu, Alvin Toffler.

Tegasnya, Malaysia sudah berada di landasan yang betul ketika ini bagi merealisasikan impian mewujudkan industri multimedia tempatan bersifat antarabangsa walaupun negara sedang dilanda kegawatan ekonomi.

(END)